

**KESAN PERTANIAN PADI SECARA BERKELOMPOK DALAM  
MENJANA PENDAPATAN PETANI  
KAJIAN KES: KAMPUNG PERMATANG SUNGAI DUA,  
KAMPUNG GUAR KEPAYANG, DAN KAMPUNG SETOL,  
SEBERANG PERAI UTARA.**

**NURNAZLIFAH BINTI NANYAN**

**Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL 2010**

## ABSTRAK

Perkembangan sektor pertanian terutamanya padi menjadi tumpuan dalam pembangunan luar bandar kerana dilihat masih berada pada tahap yang rendah. Kemerosotan sektor pertanian ini adalah disebabkan masalah kekurangan penggunaan teknologi moden serta pengurusan gerak kerja penanaman yang tidak sistematik. Matlamat dan objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti permasalahan dan potensi pertanian padi di kawasan kajian, menilai kesan Program Pertanian Padi Secara Bekelompok dalam menjana peningkatan pendapatan petani serta mengkaji sejauhmana tahap kesedaran dan penerimaan petani terhadap program ini dengan pengaplikasi teknologi moden. Penemuan yang diperolehi hasil dari analisis data mendapati terdapat potensi dan halangan yang perlu diperbaiki bagi membangunkan sektor pertanian di kawasan kajian. Purata penglibatan petani dalam program ini ialah 70 peratus manakala 30 peratus tidak terlibat. Rata-rata petani yang terlibat dalam pekerjaan ini adalah dari golongan umur pertengahan (41 hingga 60 tahun) dan kurang mendapat sambutan dari golongan muda. Penglibatan petani dalam program ini telah meningkatkan pendapatan mereka melalui sokongan pelbagai kemudahan teknologi dan penyebaran maklumat dari pihak Jabatan Pertanian dan agensi-agensi yang terlibat. Pendapatan petani rata-ratanya meningkat selepas terlibat dalam menjadi ahli kelompok padi kerana hasil keluaran yang diperolehi adalah tinggi berbanding sebelumnya iaitu sekitar RM5,001 hingga RM10,000 semusim selepas menjadi ahli kelompok berbanding sebelumnya yang hanya mampu memperolehi pendapatan sekitar RM5,000 kebawah bagi semusim. Program ini memberi kesan baik kepada petani dalam membantu mereka melaksanakan gerak kerja tani dengan lebih mudah dan sistematik. Oleh itu penemuan analisis ini adalah penting untuk membantu mewujudkan strategi bagi memantapkan sektor pertanian di kawasan kajian. Antara strategi dan cadangan yang diwujudkan ialah strategi pembangunan pertanian secara bersepadu dengan melibatkan pihak jabatan dan agensi yang bertanggungjawab secara serius, strategi meningkatkan kemahiran petani, strategi memantapkan kemudahan prasarana dan sebagainya. Secara kesimpulannya, strategi yang dibentuk memerlukan kerjasama yang kuat dari pelbagai pihak dan sikap keterbukaan petani dalam menerima perubahan teknologi baru kearah memantapkan pembangunan pertanian di kawasan luar bandar.

## **ABSTRACT**

The evolution of agricultural sector especially on paddy planting became the focus in rural development because this sector is still underdevelopment. This decadence of agriculture sector was because of the lack usage on modern technology and the unsystematic management of cultivation work. The goals and objectives of this research are to identify problems and the potential of paddy planting in the study areas, identify the effect of “Program Pertanian Padi Secara Bekelompok” towards generating the income level of paddy farmers and also study on the level of awareness and acceptance of paddy farmers towards the application of modern technology in this programme. The findings from the data analysis showed that there were some potential problems had aroused and needed to be improved to stabilize the agricultural development at study areas. The average farmer participation in this program is 70 percent while 30 percent are not involved. Paddy farmers involved in this work are from the middle age (41 to 60 years old) and less well-received among young. Involvement of paddy farmers in this program has increased their income through various support facilities and dissemination of technology information from the Department of Agriculture and agencies involved. Farmer’s income generally increase after they involved in this program, because product acquired was high contrasting previous namely around RM5,001 to RM10,000 in annual contrasting with before which merely able to earn an income around RM5, 000 and below in annual. This program gives good effect to paddy farmers in helping them implement agro-propelled work more easily and systematically. Therefore, the findings of the study are very important to assist strategies in making the final chapter to maintain agricultural development in study areas steadily. Integrated agricultural development strategy which includes responsible authority and agency party with serious attention, worker skill improvement strategy, infrastructure stabilizing strategy and etc is amongst the strategies and recommendations established. As a conclusion, all the strategies formed in this study require full collaboration among involving authority parties and open attitude towards accepting the change of modern technology towards stabilizing agricultural development in rural area.